



Penyelidikan UMP diiktiraf raih pingat emas dalam SIIF Korea



Seoul, 3 Disember- Penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertajuk 'Novel Fabrication Method of Medical Pre-Testing Microfluidics Blood Flow and Drug Delivery Chip' hasil ciptaan Prof Dr Hayder A. Abdulbari dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) diiktiraf apabila meraih pingat emas dalam Pameran Seoul International Invention Fair (SIIF 2017) yang berlangsung di COEX Gangnam, Seoul baru-baru ini.

Penyelidikan UMP turut menang tiga pingat perak hasil sumbangan penyelidik FKKSA iaitu Dr. Noormazlinah Ahmad dengan projek "Oligowell: Inulin Complex from Two Steps Production by Using Agricultural Desolation" yang merupakan inovasi terbaru dalam penghasilan bahan prebiotik (inulin) yang kini dipasarkan dengan nama "OLIGOWEL Inulin Complex".

Bagi Dr. Noormazlinah, produk ini merupakan inovasi dalam menawarkan sejenis sahaja prebiotik (Inulin) dengan gabungan pemanis alternatif yang juga prebiotik yang sangat berkhasiat pada bayi dan pesakit diabetik iaitu Fruktooligosakarida (FOS) menjadikan produk ini lebih bermanfaat di mana ia memberikan dwi-kesan yang optimum pada segenap lapisan masyarakat.



"Cara penghasilannya juga amat berbeza yang mana tidak menggunakan kaedah ekstrak dari pelarut tetapi menggunakan kaedah bioproses teknologi hijau melalui tindakbalas enzim dengan buah-buahan tempatan. OLIGOWELL Inulin Complex merupakan kompleks inulin yang pertama dihasilkan secara komersial di Malaysia dan berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Sementara itu, pingat perak juga diraih penyelidik FKKSA, Mohd Najib Razali dengan projek bertajuk "G-TREAT: Smart System for Water Sustainability." G-TREAT merupakan formulasi bahan semulajadi untuk rawatan sisa air berminyak dari industri. Turut sama menang pingat perak adalah penyelidik Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Prof Madya Dr Shahryar Sorooshian dengan tajuk projek "E4SE: Engine for Smaller Enterprises".

SIIF 2017 anjuran Korea Invention Promotion Association (KIPA) yang masuk kali ke-13 penganjuran ini disertai lebih 30 negara berjaya mengumpulkan sebanyak 630 hasil penyelidikan termasuk Poland, Malaysia, Perancis, USA, Bosnia, Yaman, Ghana, Japan, Lebanon, China, Egypt, Jerman, Vietnam, Singapura, Rusia, Croatia, India, Iran, Taiwan, UAE, Thailand, Indonesia, Mexico dan Uzbekistan. Hadir sama menyertai delegasi UMP, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff.